

TOPIK 4 : DAHSYATKAN POTENSI DIRIMU

***TULISKAN APA YANG ANDA RANCANGKAN
KERJAKAN APA YANG ANDA TULISKAN
DOKUMENTASIKAN APA YANG ANDA KERJAKAN***

Setelah kita mengetahui aspek-aspek yang hampir kesemuanya teori, maka mari kita beralih kepada aspek –aspek praktikal untuk meningkatkan daya upaya untuk meraih prestasi dan kebahagiaan sejati. Serta boleh memacu diri dengan lonjakan dan anjakan paradigma, menjadi seorang pemimpin yang sukses buat diri dan manusia lain dan alam sejagat.

Mari kita dahsyatkan potensi... Ayuh!

A. LAKUKAN ANALISIS SWOT (STRENGTH, WEAKNESSES, OPPURTUNITIES, THREAD) DIRI

Sebagaimana pesan Saidina Ali karamallahu wajahah “ Barangsiapa yang mengenal dirinya sungguh, dia akan mengenal Tuhannya”. Caranya ialah:

1. Ambil kertas
2. Bahagikan kepada 4 bahagian
3. Tulis kelemahan, kekuatan, peluang dan halangan

Tuliskanlah, dan kenalilah potensi yang tersurat dan tersirat anda,. Mungkin anda boleh temui ‘*Hidden card*’ yang selama ini anda tidak ketahui. Jangan ditunda-tunda. Takut nanti momentum semangat akan hilang.

- *Seekor burung tidak bisa terbang sebelum ia tahu bagaimana ia menggunakan sayapnya untuk terbang.*

Selepas menganalisa diri maka buatlah rumusan, langkah dan sarana untuk memacu potensi dan senjata untuk mendepani cabaran dan rintangan.

“Hisablah dirimu sebelum kamu dihisab di hari kiamat ,” kata al faruq, Saidina Umar Al khattab ra.

B. BANGUNKAN TEKAD DAN AZAM YANG KUAT

Hidup selalu menuntut perubahan kerana itulah tanda kehidupan. Milikilah azam dan tekad yang kuat untuk berubah. Ambil ibrah dari kisah-kisah berikut;

- Salman al farisi yang mengembar dari Parsi menuju Madinah bagi menyahut seruan dan mendapatkan hidayah Allah
- Imam bukhari rela menempuh perjalanan jauh untuk mentarjih hadis. Dan beliau menyandarkan kepada Allah dengan solat sunat.

sandarkan pengharapan dan mohonlah pertolongan dari Allah:

“ dan mohonlah pertolongan dengan sabar dan solat”

Dalam tafsir ibn katsir, menyatakan bahawa kesabaran itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kesabaran dalam ketaatan, kesabaran menjauhi maksiat, dan kesabaran ketika ditimpa masalah.

C. PROAKTIF MEMANFAATKAN MOMENTUM TARBİYAH

Adalah perlu diingat bahawa tarbiyah bukan sekadar tertakluk dalam forum, majlis, taalim, usrah, lebih daripada itu ialah bagaimana tarbiyah itu menapaki setiap waktu dan momentum sebagai sarana tarbiyyah. Sebagai contoh bila kita tilawah, itu juga digunakan untuk menajamkan ruhi. Setiap sedekah mewujudkan rasa cinta pada Allah, dan saat solat adalah tarbiyah tingkat tinggi di mana ia bermula dari ketaatan sehinggalah akauntibiliti seorang muslim.

Walaupun berjauhan dengan murobbi yakni Rasulullah saw, para sahabat yang ditugaskan membawa misi dakwah dengan berjayanya melaksanakan tugas masing-masing contoh yang paling biasa kita dengar ialah Mus'ab bin Umair ra dalam misi dakwah ke Madinah.

Kekangan jangan dilihat sebagai masalah, malah lihat lah sebagai peluang. Penjara bagi Nabi Yusuf adalah madrasah yang memberi inspirasi buat as- Syahid Sayyid Qutb melonjakkan potensi dengan karya-karya dan tulisan-tulisan yang mampu menggetarkan jiwa pemuda-pemuda! Kuncinya bagi semua ini adalah kemahuan dan tekad yang kuat.

Demikianlah seperti yang difirmankan Allah dalam surah ali Imran ayat ke 159

"... Dan apabila kamu telah berazam maka bertawakallah kepada Allah"

Selanjutnya surah at Taubah ayat 105

" dan bekerjalah kamu, maka Allah, rasulullah dan orang beriman akan melihat pekerjaanmu"

- *Kuatkan diri untuk berbakti, teladani para sahabat/sahabiyah Nabi, raih prestasi, dan rangkul redha illahi*

D. SUSUN JADUAL PEMBELAJARAN

Orang yang gagal merencana bererti dia merencana untuk gagal. Tarbiyah ini adalah tarbiyah yang punya visi yang jelas dan langkah yang rapi. Bila seseorang itu membuat jadual hidupnya, dia akan menghargai jadual, mengoptimumkan masa dan mengintegrasikan masanya dengan sebaik mungkin.

Namun kebanyakan dari kita rasa terkongkong dengan jadual tersebut. Mungkin kita terlupa bahawa kita manusia, dalam merangka jadual hendaklah kita realistik disesuaikan dengan keupayaan dan kapasiti diri supaya masa boleh diisi secara optimal dan professional. Dan satu perkara yang perlu ada apabila jadual ini dibuat, iaitu aspek DISIPLIN DIRI. Itulah kunci kejayaan mengatur masa.

E. YAKINKAN DIRI UNTUK ISTIQAMAH

"Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang ruju` kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan."

(Hud: 112)

Inilah aspek yang paling berat dalam tarbiyah dzatiah. kerana merintis amal itu mudah tapi menjaga amal supaya berteruan bukan suatu kerja yang mudah. Jadi, bagaimana cara untuk memastikan keberlansungan amal ini? Mari kita lihat alternative-alternatif yang disarankan iaitu 4M:

- ❖ **Muhasabah-nafs** (koreksi diri)
- ❖ **Muraqabah** (keseriusan dan kesungguhan kerana merasa diawasi oleh Allah
- ❖ **Mu'aqabatun-nafs** (member hukuman pada diri)
- ❖ **Mujahadatun-nafs**(bersungguh-sungguh meraih potensi

F. EFEKTIF DAN EFISYEN TERHADAP WAKTU

Waktu adalah aset yang mahal di dunia dan akhirat. Masalah mengurus masa adalah antara masalah paling sukar dan kronik yang menghalangi masyarakat untuk maju ke hadapan. Begitu jua tarbiyah, salah satu punca penting kegagalan tarbiyah adalah kerana kurang pandai atau tidak mampu mengelola masa dengan sebaiknya malah menjadi kebiasaan untuk melambat-lambatkan waktu, menunda pekerjaan, dan menghabiskan masa dengan perbuatan sia-sia. Ini disebutkan dalam firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (yaitu) orang-orang yang khusyu’ dalam shalatnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna,”
(Al Mukminun: 1-3)

Marilah wahai pemuda! Kelolakan masamu dengan efisien (memanfaatkan sebaiknya) dan efektif (iaitu menepati sasaran)

G. CURAHKAN SEGALA POTENSI

- *Jika telur pecah kerana faktor eksternal, beerti kehidupannya berakhir. Jika telur pecah kerana faktor internal, beerti ada kehidupan baru dimulai.*

Inilah spirit untuk menang. Melihat dari dalam diri, memaksimakan potensi untuk berjuang. Jika diperhatikan, kita selalunya kalah oleh masalah bukan kerana tidak mampu untuk bertahan, namun kerana kita tidak tidak mampu mengelolakan kemampuan kita bagi mengatasi masalah tersebut. Lihat lah ke dalam diri dan maksimakan potensi . Anda boleh lakukan!

H. SINERGI AKTIVITI

“ apabila telah selesai satu urusan, maka kerjakan urusan yang lain” (al insyirah: 7)

Sehebat mana pun kita, kita perlulah menyelaraskan potensi dan kelebihan dan kekurangan kita dan orang lain supaya ia bergerak dengan harmoni dan sinergi. Ini kerana setiap orang mempunyai kemampuan yang berbeza dalam memahami sesuatu kerana masing-masing dipengaruhi oleh faktor

kapabiliti ilmiah, kemampuan berbahasa, kesempatan waktu, kewangan, informasi, dan sebagainya. Dengan ini, kita boleh sinergikan potensi dan bersama-sama menjalankan aktiviti dakwah.

Antara aspek penting yang perlu dititik berat adalah kualiti masa iaitu memaksimakan masa dengan prinsip “ tidak ada waktu terluang” dan jadikan istirehat itu sebagai proses berganti dari satu aktiviti ke aktiviti yang lain. Dan ketahuilah rasulullah mengajar istirehat adalah dengan solat bukan istirehat dari solat. Satu lagi contoh menarik adalah khalifah Umar bin Abdul Aziz selalu melazimi membaca al Quran meski berada di tempat kerja agar beliau tidak malalaikan al Quran dan tidak menyia-nyiakan waktu.

I. KREATIF DAN INOVATIF

Kreatif dan inovatif selalunya lahir dari jiwa yang gembira. Mereka menganggap masalah sebagai inspirasi yang memantik potensi. Halangan dan tentangan malah menjadi pencetus idea dan mengasah kreativiti, dan berfikir secara kritis untuk mempelbagaikan cara untuk berjaya. Jadikan doa sebagai senjata. Point yang saya ingin ketengahkan adalah ‘*Be Positif!*’

Teringat pada slogan satu guru sastera iaitu “ *Anda kreatif anda berjaya!*”

J. KOORDINASI BERSAMA ORANG LAIN

Kadang kala kita bingung kerana terlalu banyak perkara yang perlu dilakukan dalam satu masa. Maka oleh itu kita perlukan koordinasi dan bekerja bersama-sama orang di sekitar kita baik saudara, teman atau keluarga supaya kita saling melengkapi dan menyempurnakan dan sama-sama memperoleh manfaat darinya. Rasulullah saw bersabda

*“sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada orang lain”
(sahih jami asy syaghir, juz 3 nmombor 3284)*

K. TOOT (THINK OUT OF THE BOX)

Tinggalkan kebiasaan lama, jangan hanya tertumpu pada cara konvensional. Cari alternative! Dan yang paling penting bila ada masalah, jangan larikan diri kerana itu hanya membesarkan masalah. Jadikanlah masalah sebagai peluang untuk maju dan kesempatan untuk mendewasakan diri.

Think fresh, Do the Best!

L. CERMAT MENGGUNAKAN PELUANG

Untuk *point* ini saya suka untuk ketengahkan satu *figure* yang sangat sesuai. Dialah pedang Allah, Khalid Al Walid yang kita kenali kerana kehebatan strategi perangnya.

Di zaman jahiliah, ketika perang Uhud beliau mampu mengambil peluang di kala tentera musyrikin hampir kalah dan menyebabkan akhirnya apabila melihat tentera Islam mengambil harta rampasan perang dan ketika itulah beliau mengambil kesempatan menyerang tentera muslimin.

Itu kisah sebelum keislaman, selepas keislamannya kita boleh lihat banyak contoh bagaimana beliau menggunakan dan memanfaatkan peluang yang terhidang untuk memberjayakan strategi. Seperti dalam perang Muktah, bagaimana setelah syahidnya 3 panglima perang yakni Zaid bin Harithah, Abdullah Ibn Rawahah dan Jaafar bin Abu Talib, beliau adalah yang menjadi panglima yang keempat yang berjaya mengundurkannya tentera Islam dengan cara yang sungguh bernas!

M. BIASAKAN INTROSPEKSI DIRI

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan” (al Hasyr: 18)

Antara ciri hati yang hidup ialah senstiasa muhasabah dan berpandangan jauh. Seperti sabda Rasulullah saw dalam hadis riwayat Bukhari,

“ orang yang cerdas adalah orang yang mampu memperbetulkan dirinya dan baramal untuk bekal sesudah mati”

N. HADIRI MAJLIS ILMIAH RUHIYAH

Untuk mendapatkan wawasan yang lebih luas, maka kita harus memanfaatkan forum-forum ilmiah seperti ceramah, kajian, seminar, dialog, bedah buku dan acara ilmiah yang lain. Jangan menahan diri untuk mendapatkan ilmu-ilmu yang bermanfaat. Ini secara tidak langsung menambah informasi, khazanah ilmu, memperkaya ilustrasi, melonjak motivasi dan lebih yakin pada diri sehingga mampu melontarkan idea-idea bernas dalam sesuatu kerja dakwah. Dan menghadiri majlis ilmu juga boleh memaparkan lagi Fikrah Islam yang tertanam dalam diri.

O. MENJADIKAN MENULIS SUATU KEPERLUAN

Setelah kita mngembara dan mamperkaya tsaqafah, maka mulailah untuk menuangkan idea-idea, gagasan, atau pendapat dalam bentuk penulisan. Kegiatan menulis ini dapat mencerahkan pemikiran. Dan awali dengan menulis cerpen, puisi, pendapat, mahupun artikel. Kentribusikan buat diri dan masyarakat yang luas. Biarkan tulisan-tulisan ini memberi manfaat, apalagi jika tulisan itu tuisan yang mambakar semangat dakwah.

Dengan adanya garis-garis panduan yang telah disarankan di atas, saya berharap semoga sama-sama kita cuba untuk meningkatkan potensi diri, mengekspresi idea-idea bernas lagi tuntas, melonjakkan prestasi ke tahap lebih tinggi, dan insha Allah, saya optimis, anda boleh melakukannya!

Selamat mencuba .